

BERITA HARIAN

DATE: 04/09/2007

Dr M dibedah hari ini

Pembedahan pintasan koronari kedua di IJN dalam 18 tahun

Oleh Rohaniza Idris

KUALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad akan menjalani pembedahan pintasan koronari di Institut Jantung Negara (IJN), di sini, hari ini, operasi jantung kedua yang dilalui bekas Perdana Menteri itu dalam 18 tahun.

Pembedahan pintasan koronari pilihan itu akan diketuai Ketua Pembedahan Kardiorasik IJN, Tan Sri Dr Yahya Awang, pakar sama yang melakukan pembedahan pintasan koronari terhadap Dr Mahathir di Hospital Besar Kuala Lumpur (HKL) pada 24 Januari 1989.

Dr Mahathir, 82, dimasukkan ke IJN, pusat rawatan jantung yang dibina hasil cetusan ideanya, kelmarin bagi menjalani pembedahan yang dijadualkan hari ini. Pengarah Perubatan IJN, Datuk Seri Dr Robaayah Zambahari mengetuai panel doktor yang merawat bekas Perdana Menteri itu.

Berita Dr Mahathir dimasukkan ke IJN menyebabkan pusat berkenaan menjadi tumpuan media dan orang ramai yang ingin mengetahui perkembangan bekas Perdana Menteri itu.

Bagaimanapun, tiada pelawat dibenarkan melawatnya kecuali ahli keluarga terdekat.

Anak Dr Mahathir, Datuk Mukhriz berkata, bapanya berada dalam keadaan sihat dan sememangnya merancang menjalani pembedahan pintasan koronari kedua hari ini serta bukan disebabkan mengalami serangan jantung.

"Kesihatan Tun (Dr Mahathir) tidak ada masalah. Malah beliau sihat dan berbual-bual dengan keluarga seperti biasa," katanya kepada pemberita di ruang legar IJN, di sini semalam.

Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan anaknya serta keluarga terdekat berada bersama bekas Perdana Menteri itu.

Kali terakhir Dr Mahathir, yang melepaskan jawatan Perdana Menteri pada 31 Oktober 2003, dimasukkan ke IJN 18 Ogos lalu untuk pemeriksaan rutin termasuk ujian jantung yang komprehensif serta pulang dua hari kemudian.

Sebelum itu, pada 14 Mei lalu, beliau dimasukkan ke unit rawatan rapi Hospital Langkawi selepas mengadu sesak nafas ketika berehat di bi-

“Kesihatan Tun tidak ada masalah. Malah beliau sihat dan berbual-bual dengan keluarga seperti biasa”

Mukhriz Mahathir
Anak

liknya di Hotel Langkasuka. Beliau diterbangkan ke Kuala Lumpur dengan pesawat khas untuk rawatan lanjut di unit rawatan koronari IJN serta keluar pada 24 Mei.

Pada 9 November tahun lalu, beliau dimasukkan ke unit rawatan koronari IJN (CCU) untuk pemerhatian selama seminggu kerana serangan jantung ringan. Sehari kemudian beliau dipindahkan ke wad biasa dan dibenarkan keluar 14 November, lima hari selepas dirawat di IJN.

Sejak pembedahan pintasan koronari pertama pada 1989, Dr Mahathir dimasukkan ke IJN, 10 tahun kemudian, iaitu pada 2 April 1999, untuk berehat dan menjalani rawatan penuh kerana mendapat jangkitan paru-paru selepas pulang dari menunaikan haji.

Sementara itu, beberapa pemimpin dan tokoh politik berada di IJN termasuk Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Dr Rais Yatim.